

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 3 OKTOBER 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : <https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1007483/hanya-cantik-di-atas-kertas-pelaksanaan-banyak-kelemahan>

### Hanya 'cantik di atas kertas', pelaksanaan banyak kelemahan



*Gambar hiasan*

KUALA LUMPUR: Isu berkaitan kemasukan pekerja asing diumpamakan 'cantik di atas kertas', namun berdepan banyak kelemahan dalam fasa pelaksanaan, yang perlu ditangani.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata kira-kira 450,000 pekerja asing sudah mendapat kelulusan untuk masuk ke Malaysia, namun setakat ini, hanya kira-kira 100,000 pekerja saja yang masuk.

Justeru, beliau berkata, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan akan bertemu dengan pihak berkepentingan petang ini bagi melihat dan memperincikan masalah sebenar, sama ada ia membabitkan masalah di negara sumber, imigresen atau sumber manusia.

"Setiap minggu dalam Kabinet, isu ini dibincangkan, sudah lima ke enam bukan, sampai jemu kami semua (berbincang).

"Jadi, kami sudah buat keputusan tidak mahu dengar lagilah. Sebab itu, petang ini, Menteri Sumber Manusia akan jumpa pihak berkepentingan dan saya yakin, beliau akan dapat menangani sebahagian besar isu ini," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman (BN-Pasir Salak) yang bertanya mengenai mengapa berlaku kelemahan dalam pelaksanaan sehingga menyebabkan kerugian kepada ekonomi dan pendapatan negara.

Berita lanjut menyusul